

28/06/2000

Henti bertelagah: Mahathir (HL)

ar; Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak umat Islam sejagat menghentikan pertelagahan sesama sendiri dan melengkapkan diri bagi menghadapi cabaran era globalisasi.

Perdana Menteri berkata, umat Islam perlu menilai keadaan semasa dan mengkaji peristiwa lalu supaya tidak mengulangi kesilapan lampau agar lebih berupaya menangani masa depan sebelum dunia tanpa sempadan meragut kebebasan dan menghapuskan ummah di muka bumi ini.

Katanya, pembukaan pasaran dunia menerusi Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO) akan menelan semua bank kecil, industri dan perniagaan yang dimiliki umat Islam.

"Akhirnya, kita akan menjadi seperti republik pisang dengan pengurus ladangnya lebih berkuasa daripada presiden negara-negara ini. Pada tahap ini, secara `de facto' kita tidak lagi merdeka. Keadaan yang wujud pada separuh pertama alaf lalu, akan kembali.

"Ini adalah antara perkara yang akan muncul bersama globalisasi. Adakah Islam atau orang Islam bersedia menghalang perkara ini daripada berlaku? Jawapannya tentulah tidak. Kita tidak berupaya menghadapi cabaran era perindustrian dan era maklumat.

"Kita akan dibuli, diganggu dan dipecahbelahkan sesama kita. Kita tidak menjadi sebahagian daripada pentadbiran negara yang mengalami proses globalisasi ... itu kita boleh pasti," katanya dalam ucapatama pada perasmian Persidangan Menteri Luar Negara-Negara Islam (ICFM) ke-27 di The Palace of Golden Horses di Seri Kembangan, hari ini.

Kira-kira 1,000 perwakilan dari 55 negara anggota Persidangan Pertubuhan Islam (OIC) menghadiri sidang empat hari itu. Satu lagi anggota OIC, iaitu Afghanistan, digantung keahliannya.

Dalam ucapan yang disiarkan secara langsung ke Brunei, Turki, Filipina, Iran serta agensi berita televisyen berpangkalan di London, Associated Press Televisyen News (APTN), Dr Mahathir turut mengimbau sejarah kegemilangan serta kejatuhan empayar Islam dan meminta umat Islam mengambil iktibar daripada peristiwa itu.

Perdana Menteri berkata, dunia global pada era maklumat sekarang bagai memperlihatkan keadaan itu lebih buruk daripada era perindustrian.

Seolah-olah, katanya, perkara terbaik untuk dilakukan ialah memalingkan diri daripada dunia ini dan tentunya akan memperolehi syurga di dunia seterusnya.

"Saya tidak yakin kita akan memperolehinya. Saya tidak yakin akhirat itu sesuatu yang akan kita nikmati. Saya rasa dengan kegagalan kita membangunkan negara Islam dan mempertahankan umatnya, kita melakukan dosa lebih besar sehingga pengabdian peribadi kepada ibadat harian kita tidak mampu mengampunkan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata, pada zaman perindustrian sekarang yang membuka laluan kepada zaman maklumat, orang bukan Islam melihat peluang daripada teknologi baru dan sibuk mengeskplorasinya.

Katanya, mereka sudah memperkenalkan idea dunia tanpa sempadan, negara global manakala jentera propaganda mereka memberi jaminan bahawa idea itu diterima secara universal.

"Tidak menerimanya, akan menjadikan kita dianggap keras kepala, kuno, hidup zaman lampau. Dengan itu, kita umat Islam dipaksa untuk menyertai alunan pujian mengenai globalisasi. Tahukah kita apa yang kita terima?

"Saudara mungkin terkejut untuk mengetahui bahawa kira-kira 50 peratus

transaksi perniagaan melalui Internet adalah mengenai pornografi," katanya.

Beliau berkata, ketika umat Islam menutupi tubuh dan mengikut tuntutan agama, mereka juga digoda untuk memindah terima gambar lucah dari Internet.

Katanya, dengan Internet, cara baru untuk melakukan sesuatu menjadi mudah dan perhubungan secara langsung dari pengguna kepada pembekal perhubungan membolehkan penjualan dan penghantaran secara terus.

Dr Mahathir turut menceritakan pengalaman pahit Malaysia berhadapan dengan kegawatan ekonomi tiga tahun lalu ketika menghuraikan proses globalisasi yang menurutnya, perlu ditangani sebaik mungkin oleh negara Islam meskipun menghadapi pelbagai kekurangan serta kelemahan tersendiri.

"Dengan rasa rendah diri, saya ingin mendakwa bahawa Malaysia tahu lebih sedikit daripada kebanyakan negara Islam lain. Tetapi apa yang kami tahu dan apa yang kami alami sudah menjadikan kami lebih berhati-hati terhadap janji pendukung globalisasi," katanya.

Beliau berkata, dengan mengetahui idea dan konsepnya serta apa yang boleh dan sudah dilakukan ke atas negara ini, menjadikan Malaysia lebih berwaspada.

Keadaan itu, katanya, membantu Malaysia untuk lebih bersedia menghadapi pelbagai cabaran yang menyusul atas nama globalisasi meskipun ragu ia boleh mengubah proses itu.

Dr Mahathir bagaimanapun sedih kerana sebahagian rakyat tempatan leka, malah kurang menghargai kejayaan kerajaan membebaskan negara ini daripada cengkaman globalisasi yang hampir terpaksa mempertaruhkan kemerdekaannya.

"Sebahagian besar masyarakat Islam di Malaysia terlalu sibuk berebut kuasa hingga tidak sedar betapa besarnya ancaman yang dihadapi atau untuk berterima kasih kerana kami berupaya menangkis usaha untuk menjajah kami.

"Kami rakyat Malaysia sekadar berjaya membebaskan diri kali ini. Tetapi ini menjadikan rakyat kami leka, malah kurang menghargai nikmat yang dikecapi. Jadi kami kekal berpecah belah dan seterusnya akan bertambah lemah," katanya.

(END)